

## Persiapan pilihan raya Sabah berjalan lancar

PUTRAJAYA 9 Ogos — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, persiapan bagi menghadapi pilihan raya negeri Sabah kini berjalan lancar.

“Tahap persediaan untuk menghadapi pilihan raya amat baik,” katanya:

Bagaimanapun ketika ditanya mengenai tarikh pilihan raya itu, beliau yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) memberitahu, ia akan diumumkan apabila tiba masanya.

Abdullah memberitahu pemberita selepas merasmikan Persidangan Perubatan Kebangsaan

KPJ 2003 anjuran KPJ Healthcare Berhad, anggota Kumpulan Perbadanan Johor di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa mengakhiri lawatan sehari ke Sabah berkata, soal pilihan raya negeri itu akan ditentukan oleh Abdullah yang bakal menggantikannya selepas beliau bersara pada Oktober ini.

Dr. Mahathir yang ditanya sama ada pilihan raya Sabah akan diadakan lebih awal daripada pilihan raya umum, turut menyerahkan kepada Abdullah untuk memutuskannya.